

Peluang kedua dorong kecemerlangan pengajian

Ricardo Unto DE 20.11.2017 3

KOTA KINABALU: Peluang kedua jarang hadir dan Kelly Jauding tidak menisai-siakan peluang itu untuk membuktikan bahawa dia berhak mendapat peluang untuk melanjutkan pelajarannya.

Dan pada Ahad, tiga tahun selepas dia menerima lawatan daripada pegawai Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menawarkannya peluang keemasan untuk belajar di sana, dia menamatkan pengajian dengan ijazah kelas pertama dalam sains sosial, dengan pengkhususan dalam geografi.

"Keputusan STPM saya tidak memenuhi keperluan am untuk memasuki universiti awam tetapi saya masih mengisi borang UPU (Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar)... dan permohonan saya dikembalikan dengan keputusan negatif," katanya ketika ditemui selepas menerima ijazahnya pada Konvokesyen UMS ke-19 di sini pada Ahad.

"Saya hilang arah, saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan seterusnya."

Tetapi kekecewaan tidak bertahan lama bagi pemuda berumur 23 tahun dari Kota Marudu itu apabila dia menerima berita baik ditawarkan tempat untuk belajar di UMS menerusi program Meniti.

"Tawaran itu seperti satu keajaiban kerana saya tidak menjangkannya... saya memang ada mengisi borang untuk program Meniti.


"Saya sangat gembira dan tawaran itu menjadi motivasi utama saya untuk cemerlang dalam pengajian saya di UMS.

"Semasa pengajian saya di sini, saya terus mengingatkan diri saya berkenaan bagaimana saya dapat masuk di UMS. Ia adalah peluang kedua saya, jadi saya tidak harus menisai-siakan-nya," katanya sambil menambah bahawa ibunya seorang suri rumah sementara dia kehilangan bapanya akibat kanser paru-paru ketika dia baru berumur 15 tahun.

Azamnya untuk cemerlang membuahkan hasil apabila berjaya menerima Anugerah Dekan selama lima semester serta mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.73 yang membolehkan dia menerima Hadiah Zainal Abidin Bador pada konvokesyen itu.

Kelly, anak kelima daripada lapan adik beradik berkata dia berterima kasih kepada UMS atas peluang itu.

"Tanpa UMS dan program Meniti, saya tidak akan berada di mana saya berdiri sekarang.



KELLY (kiri) dan Rohany melihat skrol ijazah Kelly.

"Dan kepada semua junior saya di bawah program Meniti, saya berharap mereka juga akan mengekalkan semangat tinggi mereka untuk berjaya.

"Sebenarnya, saya ingin meneruskan pengajian saya di UMS, mengambil ijazah sarjana, jika saya diberi peluang."

UMS menerusi program Meniti, singkatan kepada Merobah Idea Menjadi Realiti, menawarkan 100 tempat setiap tahun sejak 2013 kepada pelajar yang tinggal di pedalaman dan dengan pendapatan isi rumah di bawah Garisan Kemiskinan atau kumpulan B40.

Rohany Gabi, seorang lagi graduan UMS di bawah program Meniti, melalui banyak rintangan sebelum impiannya menjadi kenyataan.

Wanita berusia 25 tahun dari Keningau itu disahkan menghidap kanser tulang tahap akhir ketika baru berusia 12 tahun, sebelum ia merebak ke paru-paru dan bahagian lain tubuhnya.

"Saya diberitahu oleh doktor bahawa ia adalah mustahil untuk kaki saya diselamatkan," kata graduan sains sosial (sejarah) itu.

"Saya telah menjalani rawatan selama sembilan tahun sejak saya berusia 12 tahun di tiga hospital - Hospital Keningau, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Umum Sarawak, dan pada tahun 2013 saya disahkan bebas kanser.

"Boleh dikatakan saya membesar dalam persekitaran hospital."

Walaupun kurang mendapat sokongan daripada rakan-rakannya dan beberapa ahli keluarganya, Rohany menemui ketenangan dengan

Tuhan.

"Sepanjang perjalanan saya dengan kanser, banyak kali saya berasa sedih dan tertekan, sehingga saya terfikir untuk membunuh diri.

"Tetapi kemudian saya menyedari bahawa Tuhan masih sayang saya dan saya menemui kekuatan saya dalam kepercayaan saya untuk Dia ... selain itu, saya ingin mencapai sesuatu dalam hidup saya.

"Saya diberitahu bahawa abang sulung saya adalah pelajar yang cemerlang, tetapi dia meninggal dunia tidak lama selepas dia mengambil SPM ketika saya masih kecil.

"Dan dia menjadi inspirasi saya untuk melanjutkan pengajian saya," kata anak bongsu dari enam adik beradik, sambil menambah dia juga adalah anak pertama dalam keluarga yang berjaya melangkah ke universiti.

Selepas menjalani pembedahan implan di kakinya baru-baru ini, dia akan berehat selama beberapa bulan sebelum menyertai pertubuhan bukan kerajaan untuk memberi kaunseling dan bimbingan.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata sebanyak 5,313 graduan telah diraikan dalam konvokesyen ke-19, dengan 59 daripadanya menerima ijazah kedoktoran, 576 memperoleh sarjana, 4,632 pemegang ijazah sarjana muda dan 46 diploma.

"Daripada jumlah itu, 128 adalah graduan antarabangsa dari 16 negara," katanya.

"Selain itu, 84 graduan adalah dari kumpulan B40. UMS telah membantu pelajar daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah ... kemiskinan bukan halangan untuk melanjutkan pengajian mereka dan mencapai kejayaan dalam kehidupan."

Sejak 23 tahun yang lalu selepas penubuhannya, UMS telah melahirkan 66,548 graduan, dan D Kamarudin berkata universiti itu akan terus meningkatkan pencapaiannya.

Tambahnya, sejajar dengan perubahan dalam Revolusi Perindustrian 4.0, UMS akan menyesuaikan diri dengan era digital yang pesat berkembang melalui inisiatif transformasi Universiti Perindustrian 4.0.

"Untuk memastikan transformasi berjalan lancar, penekanan akan diberikan terhadap lima aspek - Dinamik, Kelestarian, Integriti, Keadilan dan Rasa Kebahagiaan.

"Selain itu, UMS akan memastikan bahawa ia akan melahirkan graduan yang tidak akan lapuk," katanya.